

## **KESAN PENGGUNAAN VIDEO DAN BUKU TEKS TERHADAP PENCAPAIAN, MINAT DAN MOTIVASI PELAJAR DALAM TOPIK PUTARAN DAN PEREDARAN BUMI**

**NORMAH BT DALI**

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
(REKA BENTUK INSTRUKSIONAL DAN TEKNOLOGI)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
2012**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## PENGAKUAN

“Saya akui bahawa penulisan ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumber-sumbernya”

Tarikh :

Tandatangan :

Nama : NORMAH BT DALI

No. Matrik : M20101000241



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## PENGHARGAAN

Saya bersyukur ke hadrat Illahi kerana akhirnya kajian ini telah dapat disiapkan dengan jayanya. Sesungguhnya, saya amat berterima kasih kepada semua pihak yang terlibat menjayakan kajian ini sama ada secara langsung ataupun secara tidak langsung. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada Profesor Madya Dato' Dr. Abdul Latif Bin Hj. Gapor selaku pensyarah dan penyelia projek ini yang telah banyak memberikan panduan, bimbingan dan galakan kepada saya sepanjang kajian ini dijalankan. Tidak lupa juga kepada pihak pengurusan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang telah memberi peluang dan ruang kepada saya untuk menjalankan kajian ini di peringkat sarjana.

Kerjasama yang padu dan tidak berbelah oleh pihak sekolah telah menguatkan lagi semangat saya untuk menjalankan kajian ini. Oleh itu, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak sekolah khasnya Pn. Hajah Hamidah bt Johari selaku pengetua SMK Tun Abdul Razak (STARS) yang sentiasa memberikan kerjasama dan sokongan kepada saya semasa menjalankan kajian. Penghargaan ini juga ditujukan kepada rakan-rakan, pelajar-pelajar dan semua warga STARS yang sentiasa memberi bantuan dan dorongan sehingga kajian ini selesai. Kepada pelajar yang terlibat, saya amat menghargai kerjasama yang telah anda tunjukkan.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga turut ditujukan khas untuk suami tercinta Khairuddin b. Nisa dan anak-anak yang telah banyak berkorban masa dan tenaga sepanjang tempoh kajian ini dijalankan. Galakan dan sokongan kalian amat dihargai.

Akhir sekali, saya memohon maaf sekiranya terdapat sebarang kekurangan atau kelemahan di dalam kajian ini. Segala bantuan dan kerjasama semua pihak akan tetap dikenang. Sesungguhnya semua kebaikan yang ditunjukkan sepanjang kajian ini akan dibalas dengan kebaikan jua. Terima kasih.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ivupsi

## KESAN PENGGUNAAN VIDEO DAN BUKU TEKS TERHADAP PENCAPAIAN MINAT DAN MOTIVASI PELAJAR DALAM TOPIK PUTARAN DAN PEREDARAN BUMI

Kajian ini dijalankan untuk membandingkan kesan penggunaan video dan buku teks terhadap pencapaian, minat dan motivasi pelajar bagi topik putaran dan peredaran bumi dalam mata pelajaran geografi tingkatan 1. Video dibangunkan menggunakan Model ASSURE berpandukan Teori Konstruktivisme dan Teori Pembelajaran Multimedia yang menggabungkan unsur visual, interaktif dan permainan. Kajian dijalankan secara eksperimen dan tinjauan menggunakan soal selidik. Sampel kajian adalah seramai 62 orang pelajar. Pelajar dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Kumpulan eksperimen diuji menggunakan video. Manakala kumpulan kawalan menggunakan buku teks. Analisis menggunakan ujian t dan nilai min. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar yang menggunakan video dengan pelajar yang menggunakan buku teks dalam aspek pencapaian, minat dan motivasi pelajar.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptupsi

## EFFECT OF USING VIDEO AND TEXTBOOK ON STUDENT ACHIEVEMENT, INTEREST AND MOTIVATION FOR THE TOPIC OF EARTH ROTATION AND CIRCULATION

This study was conducted to compare the effects of using video and text book on achievement, interest and motivation for the topic of earth rotation and circulation in form one geography. A video was developed by using the ASSURE Model based on Constructivism Theory and Multimedia Learning Theory that combines elements of visual, interactive and games. The study was conducted by using experimental and survey questionnaires. The sample consisted of 62 students. The students were divided into two groups, experimental group and control group. The experimental group was tested by using video. While the control group using the textbook. The analysis was using t test and the mean value. The results showed that there were significant differences between students that used video and the students that used textbook on achievements, interests and motivation.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptupsi



## KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK DALAM BAHASA MELAYU	iv
ABSTRAK DALAM BAHASA INGGERIS	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI LAMPIRAN	x
SENARAI SINGKATAN	xi

## BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Permasalahan Kajian	4
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Persoalan Kajian	7
1.6 Hipotesis Kajian	8
1.7 Kepentingan Kajian	9
1.8 Limitasi Kajian	10
1.9 Definisi	11
1.10 Kerangka Konseptual Kajian	13
1.11 Rumusan	16

## BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	17
2.2 Teori Kajian	18
2.3 Kajian Lepas	19
2.4 Rumusan	26





<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>27</b>
3.1 Pendahuluan	27
3.2 Reka bentuk Kajian	27
3.3 Metodologi Rekabentuk Koswer Video	28
3.4 Papan Cerita Video	42
3.5 Metodologi Reka Bentuk	50
3.6 Prosedur Kajian	52
3.7 Populasi dan Sampel	59
3.8 Pengumpulan Data	61
3.9 Analisis data	62
3.10 Rumusan	63
<b>BAB 4 ANALISA DATA DAN KEPUTUSAN</b>	<b>64</b>
4.1 Pengenalan	64
4.2 Keputusan Peperiksaan Penilaian 1	64
4.3 Keputusan Ujian Pencapaian	65
4.4 Analisis dan Keputusan Ujian-t	66
4.5 Analisis dan Keputusan Ujian Min	67
4.6 Rumusan	73
<b>BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b>	<b>74</b>
5.1 Pengenalan	74
5.2 Perbincangan	74
5.3 Rumusan Dapatan	76
5.4 Cadangan	78
<b>RUJUKAN</b>	<b>81</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>85</b>



## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Muka Surat</b>
3.1	Jadual Spesifikasi Ujian (JSU)	85
3.2	Pembahagian Sampel Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan Berdasarkan Markah Ujian Penilaian 1	60
4.1	Keputusan Ujian Pencapaian Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	65
4.2	Perbandingan Keputusan Peperiksaan Penilaian 1 Antara Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	66
4.3	Perbandingan Keputusan Ujian Antara Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	67
4.4	Perbandingan Min Minat Pelajar Menggunakan Video Mengikut Tahap Persetujuan	68
4.5	Perbandingan Min Minat Menggunakan Buku Teks Mengikut Tahap Persetujuan	69
4.6	Perbandingan Min Motivasi Pelajar Menggunakan Video Mengikut Tahap Persetujuan	70
4.7	Perbandingan Min Motivasi Pelajar Menggunakan Buku Teks Mengikut Tahap Persetujuan	71
4.8	Perbandingan Keputusan Soal selidik Minat dan Motivasi Antara Penggunaan Video dan Buku Teks	72



## SENARAI RAJAH

### Rajah

### Muka Surat

1.1	Rajah Putaran Bumi Buku Teks	2
1.2	Rajah Putaran Bumi Video	2
1.3	Rajah Peredaran Bumi Buku Teks	2
1.4	Rajah Peredaran Bumi Video	2
1.5	Kerangka Konseptual Kesan Penggunaan Video dan Buku Teks Terhadap Pencapaian , Minat dan Motivasi Pelajar	13
1.6	Proses Kesan Penggunaan Video dan Buku Teks Terhadap Pencapaian , Minat dan Motivasi Pelajar	15
3.1	Teori Pembelajaran Multimedia	28
3.2	Prosedur Pembangunan Video Berasaskan Model ASSURE	30
3.3	Paparan Set Induksi Video	32
3.4	Video dan Nota Putaran Bumi	34
3.5	Carta alir Pembangunan Video	35
3.6	Video Peredaran Bumi	38
3.7	Latihan	39
3.8	Permainan Selamatkan Bumi Kita	41
3.9	Papan Cerita Paparan Utama Gambar 4 musim	43
3.10	Papan Cerita Putaran Bumi	44
3.11	Papan Cerita Peredaran Bumi	45
3.12	Papan Cerita Latihan	46
3.13	Papan Cerita Permainan Selamatkan bumi Kita (1)	47
3.14	Papan Permainan Selamatkan Bumi Kita (2)	48
3.15	Papan Cerita Permainan Selamatkan Bumi Kita (3)	49
3.16	Contoh Paparan Video Putaran Bumi	53





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



xbupsi

## SENARAI LAMPIRAN

### Lampiran

### Muka Surat

A	Jadual Spesifikasi Ujian Bagi Ujian Putaran dan Peredaran Bumi	85
B	Soalan Penilaian Topik Putaran dan Peredaran Bumi.	86
C	Soal Selidik Minat dan Motivasi Pelajar Terhadap Penggunaan Video dan Buku teks.	91
D	Surat Permohonan Menjalankan Kajian	93
E	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	94
F	Contoh Rancangan Mengajar Harian Tingkatan 1 Rajin	95
G	Soalan Peperiksaan Penilaian 1	96



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## SENARAI SINGKATAN

ASSURE	<i>Analyze learners, state objectives, select methods, media and materials, utilize media and materials, require learner and participation, dan evaluate and revise.</i>
CD	<i>Compact disc</i>
JSU	Jadual Spesifikasi Ujian
MBM	Media Bantu Mengajar
G1	Butang Putaran Bumi
G2	Butang Peredaran Bumi
G3	Butang Latihan
G4	Butang Selamatkan Bumi Kita
G5	Butang Mulakan Misi
G6	Butang Ke Bumi
G7	Butang Masuk

## BAB 1

### PENDAHULUAN



#### 1.1 Pengenalan

Mata pelajaran geografi di peringkat sekolah menengah merupakan kesinambungan bagi mata pelajaran kajian tempatan di sekolah rendah. Sungguhpun begitu, topik putaran dan peredaran bumi bagi geografi tingkatan 1 agak sukar untuk difahami kerana ia mengandungi konsep-konsep abstrak yang sukar untuk diterangkan. Secara asasnya, pergerakan bumi terbahagi kepada dua iaitu putaran bumi dan peredaran bumi. Kedua-duanya mempunyai konsep yang sukar untuk digambarkan. Pemahaman tentang konsep dan kesan putaran dan peredaran bumi inilah yang perlu diberi perhatian kerana ia agak sukar untuk diterangkan dan difahami. Penggunaan simulasi atau contoh-contoh bahan yang dimanipulasi mungkin dapat menjelaskan konsep-konsep putaran dan peredaran bumi berbanding buku teks.

Sebagai pelajar yang baru mengenal subjek geografi, minat dan motivasi pelajar terhadap subjek ini sangat penting untuk menarik perhatian pelajar mendalamai subjek geografi. Justeru selain buku teks, bahan pembelajaran dan pengajaran video telah digunakan untuk menerangkan konsep-konsep abstrak siang dan malam yang berlaku di dalam kehidupan seharian. Begitu juga dengan

kejadian empat musim yang sukar digambarkan terutamanya pelajar-pelajar yang tinggal dalam lingkungan kawasan iklim Khatulistiwa di dalam kajian ini. Maka kajian ini cuba mengenalpasti kesan penggunaan video dan buku teks terhadap pencapaian, minat dan motivasi pelajar dalam topik putaran dan peredaran bumi bagi mata pelajaran geografi.



Berikut adalah contoh-contoh paparan berkaitan rajah putaran dan peredaran bumi di buku teks dan paparan video.



Gambar rajah 1.1: Rajah Putaran Bumi Buku Teks

Gambar rajah 1.2: Video Putaran Bumi

Sumber dari "Bab 9: Pergerakan Bumi," oleh Chong, Y. C., Chong, H. L., & Kang, C. Y., 2002. *Geografi Tingkatan 1*. Petaling Jaya: Media Network Sdn. Bhd.



Gambar rajah 1.3: Peredaran Bumi Buku Teks

Gambar rajah 1.4: Video Peredaran Bumi

Sumber dari "Bab 9: Pergerakan Bumi," oleh Chong, Y. C., Chong, H. L., & Kang, C. Y., 2002. *Geografi Tingkatan 1*. Petaling Jaya: Media Network Sdn. Bhd.

Berdasarkan kedua-dua rajah di atas, terdapat perbezaan yang jelas antara rajah putaran bumi di buku teks dengan paparan video . Rajah putaran dan peredaran bumi di buku teks lebih banyak penggunaan warna hitam putih. Penerangan konsep putaran dan peredaran bumi adalah secara pegun dan menggunakan banyak teks. Manakala video menggunakan lebih banyak warna dalam setiap paparannya. Penerangan konsep putaran dan peredaran bumi dilakukan menggunakan video dan gabungan unsur multimedia yang lain.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Geografi merupakan mata pelajaran yang sangat menarik untuk dipelajari. Di dalamnya terkandung pelbagai topik untuk dipelajari. Salah satunya ialah topik putaran dan peredaran bumi bagi geografi tingkatan 1. Topik ini akan menerangkan kepada pelajar berkaitan konsep putaran dan peredaran bumi serta kesan-kesannya seperti kejadian siang dan malam, pasang surut dan kejadian empat musim. Berdasarkan pemerhatian ke atas pelajar tingkatan satu sebelum ini, kejadian empat musim paling mencuri perhatian pelajar terutamanya pelajar tingkatan satu. Kejadian empat musim berlaku akibat peredaran bumi mengelilingi matahari mengikut orbitnya Chong, Chong & Kang (2002).

Pada mulanya pelajar sangat berminat untuk mengetahui kejadian musim bunga, musim sejuk, musim panas dan musim luruh di negara-negara Eropah. Malangnya kejadian empat musim tidak berlaku di Malaysia dan ia sukar untuk digambarkan. Kejadian empat musim mempunyai konsep yang abstrak. Maka proses memahami kejadian empat musim menjadi sukar dan minat pelajar semakin terhakis. Begitu juga dengan kejadian siang dan malam. Walaupun pelajar mengalami kejadian siang dan malam setiap hari, mereka masih tidak dapat memahami bagaimana proses kejadian ini boleh berlaku. Konsep yang abstrak menyukarkan pelajar mempelajari topik ini.

Pada tahun ini penyelidik berpeluang mengajar pelajar kelas sederhana dan lemah iaitu kelas 1 Rajin dan 1 Adil. Pencapaian yang lemah dalam peperiksaan serta minat dan motivasi yang kurang telah menarik minat penyelidik untuk mengkaji pelajar-pelajar ini. Amalan biasa yang selalu digunakan oleh guru untuk menerangkannya sesuatu topik (termasuklah topik ini) ialah dengan menggunakan buku teks. Namun pencapaian pelajar dalam peperiksaan pada Mac 2012 baru-baru ini kurang memberangsangkan walaupun pelajar baru mempelajari beberapa topik sahaja. 58% pelajar tersebut gagal dalam peperiksaan ini. Keadaan ini mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian berkaitan kesan penggunaan video dan buku teks dalam pembelajaran dan pengajaran khususnya dalam aspek pencapaian, minat dan motivasi mereka.

### 1.3 Permasalahan Kajian

Semua guru akan berasa gembira sekiranya objektif pengajarannya tercapai. Ini bererti pelajar dapat memahami apa yang disampaikan dan menunjukkan tingkah laku yang diharapkan. Pada masa yang sama pelajar akan menunjukkan minat yang mendalam untuk mempelajari sesuatu topik. Namun bagi pelajar yang tahap kebolehan sederhana dan lemah, keadaan ini jarang berlaku kepada mereka. Tumpuan pelajar di dalam kelas amat kurang semasa proses pembelajaran dan pengajaran.

Berdasarkan respon pelajar di dalam kelas berkaitan topik ini, salah satu sebab mengapa pelajar tidak dapat memahami fakta berkaitan topik ini ialah kerana konsepnya yang abstrak. Pelajar tidak dapat mengenalpasti konsep putaran dan peredaran melalui penerangan menggunakan rajah sahaja. Mereka juga tidak dapat membezakan kesan putaran dan peredaran bumi. Maka penggunaan bahan yang sesuai dan menyeronokkan semasa proses pembelajaran dan pengajaran sangat perlu. Mine, Mehmet & Tugba (2011) turut menyuarakan pendapat yang sama dan

menyarankan bahawa penggunaan bahan pengajaran yang menyeronokkan sangat perlu kerana ia akan mengelakkan prejudis pelajar terhadap mata pelajaran yang dianggap sukar.

Konsep yang abstrak membebankan otak pelajar untuk memahami konsep putaran dan peredaran bumi. Tahap kebolehan pelajar yang lemah, menambahkan lagi kesukaran pelajar untuk menguasai konsep tersebut . Keadaan ini mendorong pelajar menjadi bosan dan tidak berminat untuk mengikuti pembelajaran bagi topik yang dikaji. Pelajar tidak menumpukan perhatian di dalam kelas. Sebaliknya mereka lebih gemar berbual dengan rakan atau “membuat kerja sendiri”.

Berdasarkan pengalaman lepas, pelajar lebih menggemari topik geografi yang konkret dan mudah untuk dibayangkan seperti topik “tumbuhan semulajadi” yang mana jenis-jenis tumbuhan dapat dilihat di sekitar mereka. Paling menyeronokkan pelajar ialah topik yang boleh melibatkan pelajar itu sendiri seperti kemahiran geografi. Di dalam kemahiran geografi, pelajar boleh melakukan sendiri kerja-kerja mengukur jarak berdasarkan skala diberi. Apabila pelajar boleh melibatkan diri semasa pembelajaran, tumpuan mereka terhadap topik tersebut semakin baik. Namun keadaan sebaliknya berlaku bagi pembelajaran dan pengajaran topik putaran dan peredaran bumi. Minat untuk belajar tiada dan tumpuan di dalam kelas sangat kurang kerana isi pelajaran topik ini sukar dibayangkan .

Bukan mudah untuk menarik perhatian pelajar yang lemah semasa sesi pembelajaran dan pengajaran. Sungguhpun guru mempunyai kaedah pengajaran yang pelbagai, pengajaran guru juga sangat bergantung kepada motivasi pelajar. Berdasarkan pemerhatian semasa pengajaran, sebahagian besar daripada pelajar tidak berminat untuk mempelajari topik ini. Terdapat segelintir pelajar yang gemar ponteng sekolah kerana sudah bosan untuk belajar. Semangat belajar mereka sangat kurang. Meninggalkan buku teks pula adalah satu kebiasaan. Jika diberi latihan, hanya segelintir pelajar sahaja yang menyiapkannya. Keadaan ini amat membimbangkan penyelidik kerana mereka tidak akan dapat menguasai sesuatu topik tanpa membuat latihan.

Penggunaan buku teks semasa sesi pembelajaran dan pengajaran di bilik darjah adalah fenomena biasa. Bagi topik putaran dan peredaran, guru akan menggunakan rajah sebagai bahan untuk menerangkan konsep putaran dan peredaran bumi. Namun penggunaan rajah putaran dan peredaran bumi di buku teks perlu dikaji . Didapati rajah putaran dan peredaran bumi di buku teks didominasi dengan warna hitam putih yang kurang menarik. Banyak teks digunakan untuk menerangkan proses putaran dan peredaran bumi. Keadaan ini menyukarkan pelajar untuk memahami konsep putaran dan peredaran bumi.

Sungguhpun begitu, terdapat rungutan yang mengatakan bahawa penggunaan video menyebabkan pelajar tidak dapat bertanya soalan serta merta berbanding penggunaan buku teks. Keadaan ini menyebabkan pelajar terpaksa “menyimpan soalan” sehingga video ditamatkan. Bagi penggunaan buku teks, pelajar boleh bertanya kepada guru bila-bila masa tentang isi pelajaran yang tidak difahami tanpa menunggu. Jika dikaji semula, rungutan ini ada benarnya. Namun perlu diketahui, cara penggunaan video yang bijak mampu menyelesaikan persoalan ini. Caranya mudah sahaja seperti yang dinyatakan oleh Babalola (2007) iaitu video boleh diulang-ulang mengikut kehendak guru. Oleh itu, sekiranya ada persoalan, guru boleh menghentikan seketika tayangan video dan menyambungnya selepas itu.

Penelitian selama 12 tahun membuatkan penyelidik faham bahawa sesuatu bahan pengajaran yang tidak menarik, sukar difahami akan membantutkan usaha pelajar untuk memahami sesuatu perkara abstrak. Keadaan ini akan mengakibatkan pencapaian mereka di dalam peperiksaan juga kurang baik. Berdasarkan faktor-faktor yang telah disebutkan penyelidik berhasrat untuk menjalankan kajian ini ke atas 62 orang pelajar tingkatan 1 Rajin dan 1 Adil di SMK Tun Abdul Razak Selekok, Perak . Penyelidik cuba menguji penggunaan video sebagai bahan bantu mengajar bagi topik putaran dan peredaran bumi untuk mengenalpasti kesannya terhadap pencapaian, minat dan motivasi pelajar . Hasilannya akan dibincangkan pada bahagian dapatan nanti.

## 1.4 Objektif Kajian

Berikut adalah senarai objektif bagi kajian ini.

1.4.1 Membangunkan koswer bahan pengajaran untuk menilai kesan penggunaan video dan buku teks bagi topik putaran dan peredaran bumi.

1.4.2 Mengenalpasti pencapaian pelajar yang menggunakan video berbanding pelajar yang menggunakan buku teks bagi topik putaran dan peredaran bumi.

1.4.3 Membandingkan minat pelajar yang menggunakan video dan buku teks dalam mempelajari konsep putaran dan peredaran bumi.

1.4.4 Membandingkan motivasi pelajar yang menggunakan video dan buku teks dalam mempelajari konsep putaran dan peredaran bumi.

## 1.5 Persoalan Kajian

  pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.5.1 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam aspek pencapaian antara pelajar yang menggunakan video berbanding pelajar yang menggunakan buku teks dalam topik putaran dan peredaran bumi?

1.5.2 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam aspek minat antara pelajar yang menggunakan video berbanding pelajar yang menggunakan buku teks dalam topik putaran dan peredaran bumi?

1.5.3 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam aspek motivasi antara pelajar yang menggunakan video berbanding pelajar yang menggunakan buku teks dalam topik putaran dan peredaran bumi?



## 1.6 Hipotesis

Terdapat tiga hipotesis utama kajian ini iaitu:

H<sub>1</sub> : Terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian antara pelajar yang menggunakan video berbanding pelajar yang menggunakan buku teks dalam topik putaran dan peredaran bumi.

H<sub>2</sub>: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam aspek minat antara pelajar yang menggunakan video berbanding pelajar yang menggunakan buku teks dalam topik putaran dan peredaran bumi.

H<sub>3</sub> : Terdapat perbezaan yang signifikan dalam aspek motivasi antara pelajar yang menggunakan video berbanding pelajar yang menggunakan buku teks dalam topik putaran dan peredaran bumi.



Sekiranya hipotesis alternatif di atas ditolak, hipotesis nul kan diterima seperti berikut:

H<sub>01</sub> : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian antara pelajar yang menggunakan video berbanding pelajar yang menggunakan buku teks dalam topik putaran dan peredaran bumi.

H<sub>02</sub> : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam aspek minat antara pelajar yang menggunakan video berbanding pelajar yang menggunakan buku teks dalam topik putaran dan peredaran bumi.

H<sub>03</sub> : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam aspek motivasi antara pelajar yang menggunakan video berbanding pelajar yang menggunakan buku teks dalam topik putaran dan peredaran bumi.





## 1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini sangat penting untuk dijalankan kerana pelajar mempunyai alternatif untuk mempelajari geografi menggunakan bahan yang pelbagai. Jika sebelum ini pembelajaran dan pengajaran kerap kali menggunakan buku teks yang hanya memaparkan gambarajah dan teks yang pegun sahaja, maka penggunaan video secara interaktif memberi nafas baru kepada corak pembelajaran pelajar. Pelajar tidak hanya mendengar penjelasan guru malah mereka boleh meneroka (*explore*) video secara individu atau berpasangan menggunakan CD di skrin komputer. Pengalaman meneroka secara individu pastinya amat menyeronokkan. Suasana pembelajaran yang seronok, ceria dan aktif inilah yang cuba dibawa di dalam bilik darjah melalui penggunaan video .

Penggunaan video semasa proses pembelajaran dan pengajaran tidak hanya memberi pilihan kepada pelajar sahaja sebaliknya ia sangat membantu guru untuk mengajar dengan cara yang mudah untuk menarik perhatian pelajar. Guru tidak perlu risau untuk menerangkan konsep-konsep abstrak kerana video boleh menyelesaikannya. Gambar yang menarik, teks yang pelbagai saiz dan warna yang menarik dengan mudah boleh menarik minat pelajar dan sekaligus mampu meningkatkan motivasi mereka untuk mempelajari topik-topik yang sukar dan abstrak seperti topik putaran dan peredaran bumi.

Hasil kajian membolehkan guru mengenalpasti bahan pembelajaran yang manakah paling berkesan untuk meningkatkan pencapaian, minat dan motivasi pelajar bagi mata pelajaran geografi. Secara tidak langsung, guru dapat menyesuaikan bahan pengajaran bagi topik-topik tertentu dengan kehendak pelajar. Sekiranya benar penggunaan video dapat mengurangkan masalah pelajar kelas lemah dan memberi kesan positif terhadap pencapaian, meningkatkan minat dan motivasi pelajar, saya percaya ia juga mampu meningkatkan prestasi pelajar tersebut apabila mereka mengambil peperiksaan geografi PMR kelak.





## 1.8 Limitasi Kajian

Kajian yang baik adalah kajian yang dapat mengelakkan bias sama ada dalam pemilihan sampel, prosedur mengumpul data, menganalisis data dan sebagainya. Sungguhpun begitu, dalam keadaan tertentu segala kekangan semasa menjalankan kajian memang tidak dapat dielakkan. Menerusi kajian ini saya telah mengesan beberapa perkara yang boleh mendatangkan bias dalam kajian jika tidak di atasi dengan baik.

Pertama, agak sukar untuk mendapatkan sampel bagi kajian ini memandangkan pelajar-pelajar kelas lemah seringkali tidak hadir ke sekolah. Pada minggu pertama kajian, kehadiran pelajar bagi kelas yang dipilih amat sedikit. Mereka tidak berminat untuk datang ke sekolah dengan pelbagai masalah. Namun pada minggu berikutnya, bilangan sampel yang hadir ke sekolah agak ramai. Penyelidik menggunakan kesempatan ini untuk menjalankan ujian dan mendapatkan data menerusi borang soal selidik.



Namun bukan mudah untuk memilih sampel sebelum melakukan ujian dan soal selidik. Sampel yang dipilih mestilah seimbang dari aspek kebolehan akademik seperti markah pencapaian dan sebagainya. Pemilihan sampel perlu dilakukan secara berhati-hati agar tidak memberi kesan atau menimbulkan ralat kepada dapatan kajian. Jika tahap kebolehan pelajar yang dipilih sebagai sampel tidak seimbang, dapatan kajian menjadi tidak tepat. Kesannya segala usaha pengkaji menjadi sia-sia dan membuang masa.

Kedua, pembinaan instrumen soal selidik yang sesuai dengan tajuk kajian. Kebanyakan kajian-kajian lepas tidak melampirkan instrumen soal selidik dalam kajian mereka. Keadaan ini agak sukar bagi penyelidik untuk mendapatkan soalan soal selidik yang boleh dijadikan panduan serta dapat digunakan dalam kajian ini. Sungguhpun ada pengkaji yang menghasilkan instrumen yang telah disahkan kebolehpercayaannya, masalah masih timbul kerana bukan semua soalan soal





selidik yang dilampirkan bertepatan dengan kajian ini. Maka pengubahsuaian perlu dilakukan beberapa kali agar ia memenuhi kehendak kajian. Seterusnya ujian Cronbach Alpha perlu dijalankan agar semua soalan ini mempunyai nilai kebolehpercayaan  $> 0.7$  seperti yang disarankan oleh Chua (2006a).

Akhir sekali, kajian ini hanya dijalankan dalam skop yang kecil iaitu berkisar kepada pelajar-pelajar di SMK Tun Abdul Razak sahaja. Memandangkan masa menjalankan kajian agak terhad, maka peluang untuk mendapatkan data hanya terhad di sebuah sekolah sahaja. Ini bermakna dapatan kajian tidak meluas kepada populasi di sekolah lain. Generalisasi tertumpu kepada sampel dan populasi di sebuah sekolah sahaja.

## 1.9 Definisi



### 1.9.1 Video

Video merupakan sebahagian daripada komponen teknologi pendidikan. Ia memaparkan gambar-gambar yang bergerak seperti peristiwa-peristiwa tertentu, cerita, dokumentari dan sebagainya. Maka video yang dibangunkan bagi tujuan kajian ini adalah gabungan video dengan unsur-unsur multimedia seperti visual, interaktif dan permainan. Video ini berkisar tentang topik putaran dan peredaran bumi dalam mata pelajaran geografi tingkatan 1. Semua paparan video menggunakan kombinasi multimedia yang terdiri daripada teks, audio, grafik dan animasi untuk menyampaikan maklumat dalam pelbagai cara (Chan, Ranjit, Jamiah dan Eliza (2007), Tileston (2004). Paparan video juga boleh menggunakan perkakasan ICT atau media digital seperti televisyen, komputer riba, LCD, CD dan layar putih sebagai skrin. Maka video yang dibangunkan ini memfokuskan video putaran dan peredaran bumi yang dilengkapi dengan nota, latihan dan permainan yang boleh dipaparkan menggunakan CD. Video ini dihasilkan menggunakan perisian flash CS4. Ia





mempunyai 5 bahagian untuk diteroka iaitu set induksi, video putaran bumi, video peredaran bumi, latihan dan permainan selamatkan bumi kita.

### 1.9.2 Buku Teks

Buku teks merupakan sumber rujukan atau bahan bantu mengajar (BBM) utama guru dan pelajar di sekolah. Di dalamnya terkandung pelbagai jenis maklumat mengikut subjek masing-masing. Setiap isi kandungan mata pelajaran di susun berdasarkan topik mengikut sukanan pelajaran. Setiap topik pula dipecahkan kepada beberapa sub topik untuk memudahkan aktiviti pembelajaran dan pengajaran. Sukanan Pelajaran menjelaskan objektif, organisasi kandungan serta strategi pembelajaran dan pengajaran Siti Ajar (2001).



Selain teks, buku teks juga mengandungi maklumat lain seperti peta, gambar, jadual, graf, peta minda dan juga rajah. Semua maklumat tersebut adalah pegun (statik). Sebahagian besar teks dan maklumat lain dicetak dalam warna hitam putih. Hanya sebahagian kecil sahaja yang berwarna. Bahan bantu mengajar ini dikeluarkan oleh Bahagian Buku Teks (BBT). Buku teks yang digunakan di dalam kajian ini ialah buku teks geografi tingkatan 1.

### 1.9.3 Model Assure

Model ASSURE adalah salah satu daripada model yang digunakan di dalam proses pembelajaran dan pengajaran di bilik darjah. Menurut Smaldino, Russell, Heinich dan Molenda (2005) model ini merupakan prosedur atau panduan untuk merancang dan menguruskan sesuatu koswer yang mengambil kira media dan teknologi. Aspek-aspek yang ditekankan di dalam proses penghasilan






sesuatu koswer ialah latar belakang pelajar (*Analyse learner*), objektif pengajaran (*Objective*), kaedah (*Select method*), pelaksanaan (*Use media*), penglibatan pelajar (*Require learner participation*) dan penilaian pengajaran (*Evaluate instruction*). Ringkasnya model ini menekankan pembangunan koswer yang sesuai di bilik darjah berdasarkan enam elemen yang telah ditetapkan.

## 1.10 Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan kerangka konseptual kajian, terdapat dua pembolehubah tidak bersandar di dalam kajian ini iaitu video dan buku teks. Sila rujuk rajah 1.5 di bawah.



Rajah 1.5: Kerangka Konseptual kesan penggunaan video dan buku teks terhadap pencapaian, minat dan motivasi pelajar dalam topik putaran dan peredaran bumi





Video putaran dan peredaran bumi ini dibangunkan menggunakan Teori Konstruktivisme dan Teori Pembelajaran Multimedia. Berdasarkan teori konstruktivisme ,pelajar akan berinteraksi dengan koswer video secara *hands on* untuk membina pengalaman dari video putaran dan peredaran bumi. Menerusi interaksi ini, masalah pembelajaran pelajar berkaitan konsep abstrak putaran dan peredaran bumi akan dapat diselesaikan. Video ini juga mempunyai paparan multimedia yang menggabungkan gambar, teks, warna dan ciri-ciri interaktif. Unsur-unsur multimedia digunakan berdasarkan teori pembelajaran multimedia yang menjelaskan bahawa penggunaan gambar, teks, video dan warna yang sesuai memudahkan pelajar memahami isi pelajaran yang diajar.

Manakala buku teks yang digunakan ialah buku teks geografi tingkatan 1. Fokus kajian adalah pada penggunaan rajah putaran dan peredaran bumi yang terkandung di dalamnya. Ia merupakan rajah yang menggunakan gambar dan teks hitam putih bagi menerangkan maklumat berkaitan putaran dan peredaran bumi.

Pembolehubah bersandar bagi kajian ini terdiri daripada tiga elemen iaitu pencapaian pelajar, minat dan motivasi pelajar. Berdasarkan kerangka konseptual ini, pembangunan video adalah berdasarkan enam prinsip Model ASSURE. Pelajar akan dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Kumpulan eksperimen akan menggunakan video . Manakala kumpulan kawalan akan menggunakan buku teks dalam pembelajaran topik putaran dan peredaran bumi. Setelah kedua-dua kumpulan selesai menggunakan video dan buku teks, pencapaian pelajar akan diuji dalam satu ujian ringkas.. Manakala maklumat berkaitan minat dan motivasi akan diperolehi melalui soal selidik yang dijalankan ke atas pelajar selepas fasa pengujian. Bagi mendapatkan gambaran yang jelas tentang proses kajian ini, kita lihat rajah 1.6 di sebelah.



Pemilihan sampel

Pemilihan responden  
berdasarkan markah  
Ujian Penilaian 1

Peringkat I

Kumpulan Eksperimen

Kumpulan Kawalan

Video  
(Pembolehubah tidak  
bersandar)

Buku teks  
(Pembolehubah tidak  
bersandar)

Peringkat II

Ujian  
(Pembolehubah  
bersandar)

Ujian  
(Pembolehubah  
bersandar)

Peringkat III

Buku teks  
(Pembolehubah tidak  
bersandar)

Video  
(Pembolehubah tidak  
bersandar)

Peringkat IV

Soal selidik  
Minat dan Motivasi  
(Pembolehubah  
bersandar)

Soal selidik  
Minat dan Motivasi  
(Pembolehubah  
bersandar)

Rajah 1.6: Proses Kesan Penggunaan Video dan Buku Teks Terhadap Pencapaian,  
Minat dan Motivasi Pelajar

Seperti yang kita dapat lihat, sampel kajian dipilih berdasarkan markah Peperiksaan Penilaian 1. Markah ini digunakan untuk membahagikan sampel seramai 62 orang kepada dua kumpulan iaitu kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Pembahagian kumpulan ini menggunakan cara persampelan berlapis. Tujuannya adalah untuk memastikan kebolehan pelajar bagi kedua-dua kumpulan adalah setara. Setelah pembahagian kumpulan selesai, kumpulan eksperimen akan menggunakan video semasa pembelajaran. Manakala kumpulan kawalan akan menggunakan buku teks.

Pada peringkat pertama kumpulan eksperimen akan menggunakan video manakala kumpulan kawalan akan menggunakan buku teks untuk mempelajari topik putaran dan peredaran bumi. Setelah selesai, kedua-dua kumpulan akan diberi ujian untuk membandingkan pencapaian pelajar. Proses ini berlaku pada peringkat kedua. Pada peringkat ketiga, kaedah pembelajaran adalah sebaliknya. Kumpulan eksperimen akan menggunakan buku teks dan kumpulan kawalan akan menggunakan video . Strategi ini dijalankan bertujuan untuk meninjau pendapat pelajar tentang keberkesanan kedua-dua bahan tersebut iaitu video dan buku teks. Maka pada peringkat keempat, soalan soal selidik diberikan kepada pelajar agar kesan penggunaan video dan buku teks dapat dibandingkan.

## 1.11 Rumusan

Kesan penggunaan video dan buku teks dalam topik putaran dan peredaran bumi sangat penting untuk dikaji. Kajian ini dijalankan berdasarkan kerangka konseptual dan proses-proses kajian yang telah ditetapkan. Selain membuat perbandingan dalam aspek pencapaian, minat dan motivasi pelajar, kajian ini cuba mengketengahkan tentang prinsip-prinsip pembangunan koswer yang sesuai bagi satu-satu situasi pembelajaran. Paling penting, pembangunan sesuatu koswer perlu berlandaskan teori yang sesuai agar bahan yang dibangunkan dapat membantu pelajar menyelesaikan masalah pembelajaran.